

AXE BRAND MEDICATED OIL

Menthol/ Camphor/ Eucalyptus Oil/ Methyl Salicylate [16% / 5% / 15% / 15%]

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axe Brand Medicated Oil
2. Bagaimana Axe Brand Medicated Oil berfungsi
3. Sebelum menggunakan Axe Brand Medicated Oil
4. Cara menggunakan Axe Brand Medicated Oil
5. Semasa menggunakan Axe Brand Medicated Oil
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axe Brand Medicated Oil
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Axe Brand Medicated Oil

Untuk kelegaan sementara sakit kepala, selsema dan hidung tersumbat, sakit otot dan sendi, ketidakselesaan perut dan angin, pening/ mabuk perjalanan dan meredakan gatal-gatal dari gigitan serangga.

Bagaimana Axe Brand Medicated Oil berfungsi

Menthol melegakan gatal-gatal, mengembangkan salur darah yang menyebabkan sensasi penyejukan diikuti dengan kesan analgesik (melegakan kesakitan). *Camphor* juga mengembangkan salur darah dan melegakan kesakitan. Ia menyebabkan kulit berasa sejuk dan kemudian panas. Perasaan ini pada kulit mengalihkan perhatian anda dari berasa sakit yang sangat kuat pada otot, sendi dan tendon. *Methyl Salicylate* mempunyai tindakan *salicylate*. Apabila wap disedut *Eucalyptus Oil* bertindak untuk ventilasi laluan paru-paru (bronkial) dan melegakan bronkitis dan kondisi yang berkaitan.

Sebelum menggunakan Axe Brand Medicated Oil

Bila tidak boleh menggunakan

- Diketahui mempunyai alahan (hipersensitif) terhadap sebarang bahan-bahan kandungan, aspirin, *salicylate* lain atau ubat-ubatan anti-radang bukan steroid yang lain
- Jangan gunakan pada bayi di bawah umur 2 tahun. Gunakan dengan berhati-hati semasa merawat kanak-kanak

Sebelum mula menggunakan Axe Brand Medicated Oil

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan jika anda:

- Hamil atau sedang menyusukan anak

Jangan meletakkan sebarang produk yang mengandungi *Camphor* ke dalam lubang hidung kanak-kanak. Ini mungkin menyebabkan kanak-kanak pengsan serta-merta walaupun penggunaannya sedikit.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Bagi pesakit yang mengambil *warfarin* (ubat untuk mencegah pembekuan darah), penggunaan yang berlebihan pada kulit boleh meningkatkan risiko pendarahan.

Cara menggunakan Axe Brand Medicated Oil

Berapa banyak harus digunakan

Sapukan beberapa titik pada bahagian badan yang sakit danurut perlahan-lahan. Untuk kegunaan luar badan sahaja.

Bila perlu digunakan

Ia boleh digunakan pada bila-bila masa apabila diperlukan untuk melegakan gejala. Kekekapan disyorkan adalah 3-4 kali sehari.

Berapa lama perlu digunakan

Gunakan selagi diperlukan untuk melegakan gejala.

Jika terlupa menggunakan

Gunakan sebaik sahaja teringat.

Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Terlebih dos bagi ubat sapu ini jarang berlaku. Jika anda fikir anda atau sesiapa yang anda kenali telah menggunakan produk ini secara berlebihan, sila hubungi doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat.

Semasa menggunakan Axe Brand Medicated Oil

Perkara yang perlu dilakukan

Gunakan produk ini untuk kegunaan luar badan sahaja.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Elakkan produk ini dari terkena mata dan mulut anda
- Jangan gunakan pada kulit yang cedera atau luka yang terbuka

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Berhenti guna dan rujuk kepada doktor anda jika:
 - Keadaan anda semakin teruk, berterusan lebih daripada 7 hari atau berulang dalam beberapa hari
 - Anda mengalami kerengsaan berlebihan atau ruam kulit

Kesan-kesan sampingan

Kerengsaan setempat atau tindak balas alahan (ruam dan kemerahan) biasanya adalah ringan dan jarang berlaku. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk keterangan lanjut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my

*[Consumers → Reporting Side
Effects to Medicines (ConSERF)
or Vaccines (AEFI)]*

**Cara penyimpanan dan
pelupusan Axe Brand
Medicated Oil**

Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.

Simpan semua ubat jauh daripada
kanak-kanak.

Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi
anda tentang cara pelupusan ubat
yang tidak digunakan lagi.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Minyak jernih dengan bau
tersendiri dibungkus di dalam
botol kaca yang jernih.

Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:

*Menthol, Camphor, Eucalyptus
Oil, Methyl Salicylate*

Bahan-bahan tidak aktif:

Essential Oil, Liquid Paraffin

Nombor MAL:

MAL19911524X

MAL19920581XS

Pengilang

MAL19911524X

Leung Kai Fook Medical Sdn Bhd
No. 2, Jalan Asas, Larkin
Industrial Estate, 80350 Johor
Bahru, Johor, Malaysia.

MAL19920581XS

Leung Kai Fook Medical Co Pte
Ltd
577 MacPherson Road, Singapore
368238

Pemegang Pendaftaran Produk

Leung Kai Fook Medical Sdn Bhd
No. 2, Jalan Asas, Larkin
Industrial Estate, 80350 Johor
Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

29/03/2022

Nombor Siri

NPRA(R4/1)031219/00322